

Anwar yakin Kerajaan Perpaduan diterajui kukuh

PH - 8/1/2023 m/s: 2

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin Kerajaan Perpaduan yang dipimpinnya tidak goyah berdasarkan dokongan dizahirkan parti politik yang membentuk kerajaan ketika ini.

Justeru, Perdana Menteri berkata, usaha pihak tertentu yang didakwa mahu menumbangkan kerajaan tidak harus digusarkan, memandangkan majoriti sokongan Ahli Parlimen ketika ini terbukti berbeza daripada diperolehi kerajaan sebelumnya.

“Yang digusarkan apa dia? jeritan tiga, empat orang (Ahli Parlimen) yang merasakan kekecawaannya. Di Parlimen yang mengundi Kerajaan Perpaduan itu, (jumlahnya) 148, dua pertiga. Maka kalau mereka harap untuk membeli beberapa orang dengan dana yang besar, itu tidak akan merubah apa-apa.

“Kalau dibandingkan dulu (kerajaan sebelumnya), itu majoritinya tiga, empat, dua itu yang menyebabkan ia tidak stabil. Jadi bagi saya, kita tidak melarang orang berusaha atau bermimpi seperti yang pernah

disebut kepada saya ‘PM tepi’, itu tiada salah orang mahu bercita-cita besar. Tetapi biarlah tidak pada kenyataan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program *Naratif Khas* bersama Perdana Menteri yang disiarkan oleh RTM, malam kelmarin.

Takut salah laku terdedah

Anwar percaya sebarang cubaan untuk menjatuhkan kerajaan diketuainya, dilakukan pihak yang takut salah laku mereka terdedah.

Bagaimanapun, beliau berkata, pentadbirannya tidak akan menekan mana-mana pihak jika mereka tidak terbabit dengan rasuah, kezaliman dan pemerasan terhadap rakyat.

“Saya tidak akan dianggap berjaya kalau gunakan kuasa untuk menekan musuh tanpa fakta dan data dan bukti yang nyata,” katanya.

Anwar berkata, beliau memahami apa erti kezaliman disebabkan pengalaman lalu dan tidak gusar kestabilan kerajaan pimpinannya yang didukung 148 Ahli Parlimen.

“Kekuatan kita terutama Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Warisan (WARISAN) dan parti kecil yang lain itu terlalu besar untuk dirungkai dan mesti ada alasan (jika mahu tukar kerajaan),” katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, tiada sebab untuk mana-mana pihak melakukan tindakan itu kerana kerajaan sedang melakukan sebaik mungkin untuk memberi tumpuan sepenuhnya membela rakyat serta memperbaiki segala kerosakan sebelum ini.

“Kita buat sebaik mungkin. Saya hentikan segala kerosakan sistem dulu. Rasuah, projek mesti ditender, jangan ambil komisen, itu yang sebaik mungkin saya lakukan. Saya tidak kompromi sama sekali.

“Rakan saya dalam Jemaah Menteri baik dari PH, BN, GPS, itu dukungan mereka jelas. Seperti mana dilihat peranan Timbalan Perdana Menteri, (Datuk Seri Dr Ahmad) Zahid (Hamidi)

dan (Datuk Seri) Fadillah (Yusof), peranan mereka itu mendukung sepenuh semangat ini,” katanya.

Situasi bersifat sementara

Sementara itu, Anwar menyifatkan sokongan anak muda yang didakwa tidak memihak kepada kerajaan hari ini, hanya bersifat sementara dan akan berubah jika mereka mendapat maklumat tepat dan benar.

Justeru itu, katanya menjadi tanggungjawab ‘orang tua’ termasuk pemimpin untuk memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada golongan terbabit.

“Dikatakan mereka terpukau dengan soal kaum dan sebagainya, namun ini hanya sebahagiannya kerana ada juga yang terpukau dengan wang ringgit, kita pun tahu.

“Jadi jangan runsing sangat dengan trend itu, ia hanya episod sementara kerana kita tahu ada yang naik motosikal dapat RM150 (ketika berkempen PRU15), jadi apakah ini kesilapan mereka, ini ajaran daripada bapanya (pemimpin) yang mem-

bawa satu amalan bercanggah dengan nilai yang patut kita terapkan pada anak muda,” katanya.

Anwar berkata, menerusi pendekatan rahmah dan kasih sayang, beliau yakin sokongan anak muda akan kembali.

“Ramai (anak muda) ketika perjumpaan bukan sahaja di masjid ketika solat Jumaat tetapi di tempat lain, anak muda ini dahagakan fakta, perubahan dan mahu nasib mereka terbelah.

“Maklumat tidak sampai maka kita perlu baiki media sosial kita supaya sampaikan fakta di mana saya yakin anak muda yang juga anak kita akan berubah kalau mereka dapat menghadam kenyataan yang sebenarnya,” katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, media sosial dan arus perdana harus diperbaiki dari segi penyampaian maklumat atau fakta, agar ia sampai kepada golongan muda di negara ini bagi mengelakkan mereka terpengaruh dengan trend negatif di media sosial.